



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2009

**PANDUAN MEMANGGIL BALIK UNTUK BERTUGAS SEMULA
BAGI PEGAWAI YANG DITAHAN KERJA AKIBAT
PROSIDING JENAYAH**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memberikan panduan kepada Ketua Jabatan memperakukan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) bagi memanggil balik pegawai yang ditahan kerja untuk bertugas semula sementara menunggu prosiding jenayah selesai.

TAKRIF

2. Bagi maksud Pekeliling ini:

“Emolumen” ertinya segala saraan dalam bentuk wang yang kena dibayar kepada seseorang pegawai termasuklah gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain;

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Kementerian, Jabatan, institusi, agensi atau unit dan

termasuklah mana-mana pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang diberi kuasa dengan sewajarnya secara bertulis oleh pegawai yang bertanggungjawab bagi Kementerian, Jabatan, institusi, agensi atau unit untuk bertindak bagi pihaknya;

“**Mahkamah**” bermaksud mahkamah, termasuklah Mahkamah Syariah, yang mempunyai bidang kuasa wibawa untuk membicarakan seseorang bagi sesuatu kesalahan jenayah;

“**Pegawai**” bermaksud seorang anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan; dan

“**Penahanan Kerja**” bermaksud tindakan menahan seseorang pegawai yang terlibat dengan prosiding jenayah daripada menjalankan tugasnya oleh Pihak Berkuasa Tatatertib yang mempunyai kuasa buang kerja atau turun pangkat.

LATAR BELAKANG

3. Pada masa ini, mana-mana pegawai yang dikenakan prosiding jenayah boleh dikenakan perintah penahanan kerja di bawah Peraturan 44, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)395/1993]. Sekiranya pegawai dikenakan perintah penahanan kerja lazimnya penahanan kerja ini akan berterusan sehingga mahkamah membuat keputusan ke atas prosiding jenayah tersebut.

4. Memandangkan sesuatu kes jenayah yang dibicarakan oleh mahkamah mungkin mengambil tempoh masa yang panjang, maka ia akan menyebabkan

pegawai yang dikenakan perintah penahanan kerja tidak boleh menjalankan tugas walaupun pengetahuan atau pengalaman atau kemahiran pegawai amat diperlukan oleh Jabatan.

PERATURAN SEDIA ADA

5. Jika prosiding jenayah dimulakan terhadap seseorang pegawai, Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) yang mempunyai bidang kuasa untuk menjatuhkan hukuman buang kerja atau turun pangkat, boleh jika difikirkannya sesuai dan patut menahan seseorang pegawai daripada menjalankan tugasnya setelah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (a) sama ada jenis kesalahan yang dengannya pegawai itu dipertuduh adalah secara langsung berhubungan dengan tugas pegawai itu;
- (b) sama ada kehadiran pegawai itu di pejabat akan mengendalakan penyiasatan;
- (c) sama ada kehadiran pegawai itu di pejabat untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya yang biasa boleh memalukan atau menjejaskan nama atau imej jabatan pegawai itu; atau
- (d) sama ada dengan mengambil kira jenis kesalahan yang dengannya pegawai itu dipertuduh, penahanan kerja pegawai itu akan menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian.

6. Penahanan kerja pegawai boleh dikuatkuasakan pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh PBTT berkenaan tetapi tidak boleh lebih awal daripada tarikh pegawai ditangkap atau tarikh saman disampaikan kepadanya. Dalam tempoh penahanan kerja di bawah Peraturan 44, P.U.(A)395/1993, pegawai berhak menerima tidak kurang daripada setengah emolumen bulanannya sepertimana yang difikirkan patut oleh PBTT berkenaan.

7. Peraturan 44(5), P.U.(A)395/1993, memperuntukkan PBTT yang berkenaan boleh memanggil balik pegawai yang ditahan kerja akibat dikenakan prosiding jenayah untuk bertugas semula walaupun prosiding jenayah masih belum selesai.

PANDUAN PERAKUAN

8. Ketua Jabatan boleh memperakukan kepada PBTT untuk memanggil balik pegawai yang ditahan kerja sekiranya tempoh penahanan kerja telah berjalan selama melebihi 6 bulan. Ketua Jabatan hendaklah menentukan penempatan pegawai yang dicadangkan selepas dipanggil balik tidak secara langsung berhubungan dengan tugas yang menyebabkan pegawai dikenakan prosiding jenayah.

9. Dalam membuat perakuan, Ketua Jabatan hendaklah mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (a) perkhidmatan pegawai diperlukan disebabkan pengetahuan atau pengalaman atau kemahiran yang dimiliki pegawai; atau
- (b) terdapat kesukaran pengisian jawatan disebabkan tiada pegawai yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman atau kemahiran yang dimiliki pegawai berkenaan.

10. Bagi pegawai yang dikenakan prosiding jenayah bagi kesalahan berikut tidak boleh diperakukan untuk dipanggil balik bertugas:

- (a) kesalahan jenayah yang tidak boleh dijamin atau kesalahan yang tidak dibenarkan jaminan oleh mahkamah;
- (b) kesalahan dadah; atau
- (c) salah laku seksual.

11. Walau apa pun yang dinyatakan di perenggan 9, sekiranya prosiding jenayah pegawai itu telah mendapat liputan luas oleh media serta menjadi perhatian yang mewujudkan "*embarrassing situation*" atau keadaan serba salah kepada Jabatan, pegawai tidak boleh diperakukan untuk dipanggil balik bertugas.

PERANAN KETUA JABATAN

12. Bagi tujuan memperakukan kepada PBTT berkenaan untuk memanggil balik pegawai yang ditahan kerja untuk bertugas semula, Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (a) menghubungi Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di mana kes itu sedang dibicarakan untuk memastikan status prosiding jenayah ke atas pegawai. Antara perkara yang perlu diperoleh ialah mendapatkan pengesahan status kes seperti tarikh perbicaraan atau sebutan kes akan datang;
- (b) memastikan panduan perakuan untuk memanggil balik pegawai yang ditahan kerja untuk bertugas semula seperti di perenggan 8 dipatuhi; dan
- (c) mengemukakan perakuan untuk memanggil balik pegawai yang ditahan kerja kepada PBTT berkenaan.

13. Setelah PBTT berkenaan memutuskan supaya pegawai yang ditahan kerja dipanggil balik untuk bertugas semula, Ketua Jabatan hendaklah:

- (a) mendapatkan surat keputusan pemanggilan balik pegawai yang ditahan kerja untuk bertugas semula daripada PBTT berkenaan;
- (b) menyampaikan keputusan PBTT berkenaan kepada pegawai mengikut alamat kediaman terakhir pegawai;

- (c) memastikan pegawai melaporkan diri untuk bertugas setelah menerima surat panggilan bertugas semula daripada PBTT berkenaan;
- (d) membayar emolumen penuh pegawai mulai tarikh dia melapor diri untuk bertugas semula; dan
- (e) memantau perkembangan kes pegawai dari semasa ke semasa sehingga prosiding jenayah selesai.

IMPLIKASI PEMANGGILAN BALIK PEGAWAI UNTUK BERTUGAS SEMULA

14. Implikasi pemanggilan balik kerja pegawai untuk bertugas semula adalah seperti berikut:

- (a) perintah penahanan kerja terhenti berkuat kuasa mulai dari tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas;
- (b) emolumen pegawai dibayar penuh mulai tarikh melapor diri untuk bertugas;
- (c) apa-apa bahagian emolumen yang tidak dibayar dalam tempoh penahanan kerja sebelumnya tidak boleh dibayar sehingga prosiding jenayah selesai; dan
- (d) pegawai perlu memohon Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas atau Cuti Tanpa Gaji (sekiranya Cuti Rehat/Cuti Rehat Khas pegawai telah habis) untuk ke mahkamah bagi menghadiri perbicaraan kesnya.

UMUM

15. Walau apa pun peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini, ia tidak menghalang PBTT berkenaan daripada mengambil tindakan tatatertib terhadap

pegawai yang dikenakan prosiding jenayah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 26 Tahun 2008 iaitu mengenai Garis Panduan Bagi Mengambil Tindakan Tatatertib Terhadap Pegawai Awam Yang Sedang Dibicarakan Atas Pertuduhan Jenayah Di Mahkamah Tanpa Menunggu Prosiding Jenayah Ke Atasnya Selesai.


TARIKH KUAT KUASA

16. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

17. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

26 Jun 2009

s.k.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan